

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Pemulanan COVID-19

Negeri Sembilan rekod jangkitan harian tertinggi

Kluster Bakti catatkan lebih 500 positif daripada 1,600 kes baharu

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,600 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan Negeri Sembilan mencatatkan jumlah jangkitan harian tertinggi sebanyak 541 kes atau 33.8 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Nor Hisham Abdullah, berkata peningkatan kes yang tinggi di Negeri Sembilan itu disebabkan Kluster Bakti yang mencatatkan 500 kes atau 15.5 peratus daripada jumlah keseluruhan hari ini.

Selangor pula, katanya, mencatatkan jumlah jangkitan harian kedua tertinggi dengan 426 kes atau 26.6 peratus.

"Semua kes ini terasing di da-



Pertambahan itu menjadikan kumulatif 74,294 kes COVID-19 direkodkan sehingga semalam, manakala angka korban meningkat kepada 384 kes.

Dr Nor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan


lah kawasan penjara. Secara keseluruhan, 584 kes (36.5 peratus) yang dilaporkan hari ini (semalam) berkaitan dengan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara.

"Selain Kluster Bakti yang mencatatkan jumlah yang tertinggi semalam, Kluster Tembok merekodkan 49 kes baharu, Kluster PTS Sibuga (17), Kluster Penjara Seberang Perai (lapan), Kluster Matambai (tujuh), Kluster Penjara Jalan Harapan (dua) dan Kluster GK Tawau (satu)," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Beliau turut memaklumkan, jumlah kes aktif dengan kebolehhajjangan COVID-19 pula adalah 11,604 kes dengan dua lagi kematian akibat COVID-19 direkodkan, iaitu di Semporna dan Kota Kinabalu di Sabah.

"Pertambahan itu menjadikan kumulatif 74,294 kes COVID-19 direkodkan sehingga semalam, manakala angka korban meningkat kepada 384 kes.

"Daripada jumlah kes baharu itu, hanya tiga kes import dikesan dan sehingga jam 12 tengah semalam terdapat 1,033 kes sembuh



dilaporkan, menjadikan kumulatif 62,306 kes pulih atau 83.9 peratus daripada keseluruhan kes," katanya melalui kenyataan, semalam.

Mengulas dua kematian direkodkan di Sabah, beliau berkata,

kedua-dua kes itu membabitkan warganegara.

Sehingga kini, katanya, ada 129 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 57 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Penambahan dua lagi kluster baharu



Anggota tentera mengawal laluan keluar dan masuk di Flat Desa Bistari, Georgetown berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), semalam. (Foto BERNAMA)

Putrajaya: Dua lagi kluster baharu jangkitan COVID-19 dikesan semalam, iaitu Kluster Malawati di Kuala Selangor dan Kluster Tapak Bina Awan Lembah yang dikesan di daerah Lembah Pantai, Titiwangsa dan Klang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Nor Hisham Abdullah, berkata pertambahan itu menjadikan keseluruhan 187 kluster masih aktif sehingga kini.

Pada masa sama, katanya, 203 disahkan tamat, termasuk dua hari ini (semalam) membabitkan Kluster Kertang dan Kluster Sembulan.

Mengulas dua kluster baharu itu, beliau berkata, bagi Kluster Malawati kes indeks dilaporkan positif COVID-19 pada 30 November hasil saringan individu bergejala.

Sehingga kelmarin, katanya, sejumlah 143 individu sudah disaring, dengan 14 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

"Bagi Kluster Tapak Bina Awan Lembah pula, dua kes indeks di-

laporkan positif sejak 4 Disember hasil saringan individu bergejala dan saringan sendiri. Kedua-dua kes indeks adalah pekerja di sebuah tapak pembinaan di daerah Titiwangsa di Kuala Lumpur.

"Sehingga kelmarin, sejumlah 441 individu disaring, di mana 35 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, 51 kluster melaporkan pertambahan kes semalam dengan paling tinggi membabitkan Kluster Bakti di Negeri Sembilan yang merekodkan 500 kes baharu. Turut mencatatkan pertambahan kes semalam ialah Kluster Batu Tujuh dengan 53 kes dan Kluster Tembok dengan 49 kes.

Justeru, Dr Nor Hisham menasihati orang ramai supaya terus patuhi saranan serta nasihat kesihatan yang sering ditekankan, iaitu dengan mengelakkan 3S iaitu mengelak kawasan sesak, sempit dan sambang dengan jarak yang dekat).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19

Lanjut PKPD Penjara Seremban, Kuarters Penjara Seremban

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Seremban dan Kuarters Penjara Seremban, Negeri Sembilan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPD bagi kawasan berkenaan dilanjutkan sehingga 21 Disember ini.

Menurutnya, keputusan itu dibuat selepas penilaian dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di lokasi berkenaan.

"KKM turut mengesahkan ada baki 185 sampel saringan melalui ujian saringan kedua masih menunggu keputusan.

"Sehingga 4 Disember, KKM melaksanakan 1,582 ujian saringan dan 964 kes positif Covid-19 direkodkan di penjara ini yang membolehkan tahanan dan kakitangan," katanya dalam

kenyataan media, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri turut memaklumkan, PKPD di Kampung Sabah Baru, Lahad Datu di Sabah ditamatkan, semalam.

Beliau berkata, PKPD di kawasan berkenaan dilaksanakan sejak 10 November lalu.

"Sehingga kini, KKM melaksanakan 2,054 ujian saringan dan 382 kes kumulatif positif Covid-19 direkodkan di lokasi ini.

"KKM mengesahkan semua sampel saringan diperolehi dan tiada sampel yang menunggu keputusan," katanya.

Katanya, kelmarin polis menahan 487 individu atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) dan daripada jumlah itu, 470 individu dikompau manakala 17 individu direman.

Angsana Johor Bahru Mall diarah tutup

Johor Bahru: Pusat beli-belah, Angsana Johor Bahru Mall di sini, diarah ditutup tujuh hari bermula jam 8 malam ini sehingga 14 Disember depan berikutan penularan wabak Covid-19 di premis berkenaan.

Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu berkata, arahan penutupan diputuskan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) selepas menilai risiko penularan wabak dan situasi semasa.

Sehubungan itu, katanya, semua pekerja dan kakitangan di pusat beli-belah itu turut diarahkan menjalani saringan Covid-19 secara sukarela bagi mengekang penularan wabak berkenaan ke dalam komuniti.

"Arahan penutupan sementara itu bagi membolehkan kerja sanitasi dan nyah cemar dilaksanakan secara menyeluruh selain membolehkan pekerja premis menjalani saringan.

"Notis arahan penutupan sementara mengikut Subseksyen 18(1)(f) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 di tempat di pintu utama pusat beli-belah berkenaan," katanya.

Semalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaporkan menasihatkan sebuah pusat beli-belah di



Arahan penutupan sementara itu bagi membolehkan kerja sanitasi dan nyah cemar dilaksanakan secara menyeluruh.

Dr Aman Rabu

Tampoi itu ditutup sementara, susulan beberapa individu bekerja di premis itu disahkan positif Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dilaporkan berkata, penutupan premis dibuat bagi membolehkan proses nyah cemar dan sanitasi dilakukan dengan lebih menyeluruh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata, kluster baharu iaitu Kluster Jalan Tampoi di kawasan di Johor Bahru dan menjangkiti 17 individu.

Pengurusan pusat beli-belah itu ketika dihubungi berkata, mengeluarkan kenyataan media rasmi dalam masa terdekat.

Semakan di akaun Facebook rasmi pusat beli-belah itu menyatakan mereka sudah melakukan proses sanitasi dan nyah cemar di premis berkenaan pada 2,4 dan 7 Disember lalu.

Dua lagi kluster baharu di KL, Selangor

Kuala Lumpur: Dua kluster baharu berkaitan penularan Covid-19 dikenal pasti di Kuala Lumpur dan Selangor, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster berkenaan dikenali Kluster Malawati membolehkan daerah Kuala Selangor dan Kluster Tapak Bina Awan Lembah membolehkan tiga daerah iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa serta Klang.

"Kes indeks bagi Kluster Malawati (kes ke-65,188) dilaporkan positif Covid-19

pada 30 November lalu hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), 143 individu disaring dengan 14 individu dikesan positif," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Mengenai Kluster Tapak Bina Awan Lembah, Dr Noor Hisham berkata, dua kes indeks di-

kesan (kes ke-69,722 dan 71,992) yang dilaporkan positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala serta saringan sendiri pada 4

Disember lalu.

"Mereka bekerja di tapak pembinaan di Titiwangsa.

"Sehingga hari ini (semalam), 441 individu disaring dengan 35 individu dikesan positif dalam kluster ini," katanya. Dalam pada itu, beliau

berkata, terdapat 390 kluster dilaporkan dengan 203 diisytiharkan tamat termasuk Kluster Kertang dan Kluster Sembulan yang berakhir, semalam.

Menurutnya, ia menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau ialah 187 kluster termasuk 51 kluster melaporkan pertambahan kes, semalam.

Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Bakti (500 kes), Kluster Batu Tumbuh (53 kes) dan Kluster Tembok (49 kes).

“Sehingga hari ini, (semalam) 143 individu disaring dengan 14 individu dikesan positif”
Dr Noor Hisham



PENGENJUNG di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka sebagai amalan norma baharu bagi langkah pencegahan penularan Covid-19 ketika tujuan, semalam.

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes baharu positif Covid-19 di negara ini mencatatkan 1,600 kes dengan dua kematian setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif penularan wabak di negara ini 74,294 kes manakala kes aktif dengan kebolehan jangkitan adalah 11,604 kes.

Menurutnya, daripada ju-

mlah kes baharu itu, tiga kes import manakala 1,597 kes membolehkan penularan tempatan.

"Negeri Sembilan melaporkan jumlah kes harian tertinggi hari ini (semalam) iaitu 541 kes diikuti Selangor (426 kes) dan Sabah (248 kes).

"Lonjakan kes di Negeri Sembilan disebabkan pertambahan kes dalam Kluster Bakti iaitu 500 kes (92.4 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes di negeri itu. Kes adalah terasing di dalam kawasan penjara.

"Secara keseluruhan, 584 kes dilaporkan pada hari ini (semalam) adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara

membolehkan Kluster Bakti (500 kes), Kluster Tembok (49 kes), Kluster PTS Sibuga (17 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (8 kes), Kluster Matambai (7 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes) dan Kluster GK Tawau (1 kes)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 1,033 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 62,306 kes atau 83.9 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, ada 129 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi dengan 57 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, dua kema-

lian dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Krisis (CPRC) Kebangsaan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian bertambah kepada 384 kes.

"Kes kematian ke-383 (kes ke-35,800) membolehkan wanita berusia 76 tahun dilaporkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Sabah. Beliau ada latar belakang penyakit darah tinggi dan anemia.

"Kes kematian ke-384 (kes ke-71,551) membolehkan lelaki berusia 59 tahun yang meninggal dunia di Hospital Semporna, Sabah. Beliau ada latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

PENARIKAN BALIK PRODUK AMB

KKM ambil maklum

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum isu penarikan balik produk air minuman berbungkus (AMB) jenama Meadows keluaran Malaysia dari pasaran Singapura.

Pengarah Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM, Mohd Salim Dulatti berkata, pihaknya sedang mendapat maklumat lanjut Agensi Makanan Singapura (SFA).

Menurutnya, SFA mengarahkan produk AMB berkenaan ditarik balik kerana dikesan tercemar dengan bakteria *Pseudomonas aeruginosa*.

Katanya, bakteria *Pseudomonas aeruginosa* adalah sejenis bakteria ter-



Produk makanan dicemari bakteria ini jarang memberi kesan kesihatan kepada individu yang sihat"

Mohd Salim

dapat secara meluas di persekitaran dan boleh ditemui di dalam air, najis, sisa kumbahan dan tanah.

"Bakteria ini boleh menyebabkan pelbagai jenis jangkitan penyakit kepada manusia khususnya kepada golongan yang mempunyai sistem ketahanan badan yang rendah.

"Namun produk makanan dicemari bakteria ini jarang memberi kesan kesihatan kepada individu yang sihat," katanya, semalam.

Mohd Salim berkata, pro-

duk AMB ditarik balik itu berisipadu 1.5L dengan tarikh luput pada 9 November 2022.

"Bagaimanapun, semakan awal mendapati kilang menghasilkan produk ini ada Pensijilan HACCP (*Hazard Analysis Critical Control Point*) dan Lesen Air Minuman Berbungkus dari KKM.

"Selain itu, keluaran kumpulan (*batch*) dari jenama yang sama tidak dipasarkan di Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Salim menegaskan produk AMB untuk jualan perlu mematuhi Peraturan 360B, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983.

"Mengikut Seksyen 13, Akta Makanan 1983 dan menetapkan mana-mana orang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau pa-

danya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan kesalahan.

"Apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Mohd Salim berkata, KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna.

Tambahnya, sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykalan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif melonjak kepada 1,600

Negeri Sembilan catat pertambahan kes tertinggi diikuti Selangor dan Sabah

Oleh TUAN BUQHAIHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes baharu positif Covid-19 kembali melonjak kepada 1,600 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Ab-

dullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 meningkat kepada 74,294 kes.

"Jumlah kes aktif pula 11,604 kes," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, Negeri Sembilan melaporkan jumlah kes harian tertinggi iaitu 541 kes, diikuti Selangor 426 kes dan Sabah 248 kes.

"Lonjakan kes di Negeri Sembilan disebabkan pertambahan kes dalam Kluster Bakti iaitu 500 kes daripada jumlah kes keseluruhan di negeri tersebut.

"Kes-kes itu terasing dalam kawasan penjara," katanya.

Beliau berkata, selain tiga negeri tersebut, Kuala Lumpur merekodkan 148 kes, Johor (98), Pulau Pinang (55), Perak (54) dan Kedah 18 kes.

"Labuan mencatatkan lima kes, Kelantan (tiga), Sarawak (dua), Pahang dan Melaka masing-masing satu kes," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada sebarang kes direkodkan di Terengganu, Putrajaya dan Perlis.

"Secara keseluruhan, sejum-



DR NOOR HISHAM

lah 584 ke dilaporkan berkaitan dengan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Bakti sebanyak 500 kes, Kluster Tembok (49), Kluster PTS Sibuga (17), Kluster Penjara Seberang Perai (Japan), Kluster Matambai (tujuh), Kluster Penjara Jalan Harapan (dua), dan Kluster GK Tawau satu kes.

"Terdapat 129 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 57 memerlukan bantuan pernafasan.


"Dukacita dimaklumkan terdapat dua kematian menjadikan jumlah kumulatifnya adalah 384 kes," katanya.

Berdasarkan ringkasan kes kematian, kedua-dua kes dilaporkan di Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Semporna, Sabah di mana pesakit wanita dan lelaki berusia masing-masing 76 serta 59 tahun mempunyai latar belakang penyakit lain.

Sementara itu, KKM merekodkan 1,033 kes pulih sepenuhnya dari Covid-19.

"Jumlah kumulatif kes sembuh ialah 62,306 kes iaitu 83.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 7 Disember 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 72,694 kes kepada 74,294 kes

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN: 74,294	PULIH: 61,273	ICU: 129	KEMATIAN: 384	KES BAHARU: +1,600



INFO BERKAITAN SINAR HARIAN/KEK

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Punca kes Covid-19 tinggi di Negeri Sembilan

Kluster Bakti catat 500 kes

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Negeri Sembilan merekodkan kes Covid-19 tertinggi semalam iaitu sebanyak 541 kes diikuti Selangor 426 kes dan Sabah 248 kes.

Peningkatan mendadak kes di negeri berkenaan adalah disebabkan pertambahan kes dalam Kluster Bakti membabitkan kawasan penjara iaitu sebanyak 500 kes daripada jumlah keseluruhan kes di negeri tersebut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, selain Kluster Bakti secara keseluruhan, 584 kes adalah berkaitan dengan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara.

Antaranya, Kluster Tembok (49 kes), Kluster PTS Sibuga (17 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (8 kes), Kluster Matambai (7 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes) dan Kluster GK Tawau (1 kes).

"Sebanyak 1,600 kes direkodkan seluruh negara dan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 74,294 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan pula adalah 11,604 kes.

"Sehingga kini, terdapat 129 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 57 kes memerlukan bantuan pernafasan dan dua kema-



PENGHANTAR barang (kanan) menyerahkan barang kepada seorang penduduk yang berada di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di Persiaran Paya Terubong 2, Relau, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

tian," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 187 kluster aktif sedang dipantau dengan 51 kluster melaporkan pertambahan kes.

Katanya, kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Bakti, Kluster Batu Tujuh (53 kes) dan Kluster Tembok (49 kes).

"Selain itu, sebanyak dua

kluster baharu dikesan iaitu Kluster Malawati di Kuala Selangor, Selangor, sebanyak 14 kes.

"Kluster kedua pula, Kluster Tapak Bina Awan Lembah di Lembah Pantai dan Titiwangsa,

Kuala Lumpur serta Klang, Selangor, 35 kes positif," katanya.

Tambahnya, sebanyak 1,033 kes sembuh yang menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 62,306 kes.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

COVID-19

NEGRI RECORDS MOST CASES WITH 541

500 of state's cases come from Bakri Prison cluster; 1,600 new cases reported nationwide

NURADZIMMAH DAIM
AND TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

NEGRI Sembilan recorded 541 new Covid-19 cases up to noon yesterday, the highest in the nation. Selangor had 426; Sabah, 248; Kuala Lumpur, 148; and Johor, 98, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"The spike in Negri Sembilan is due to the 500 new cases in the Bakri cluster, or 92.4 per cent of total in the state.

"The cases are isolated and are in the prison compound," he said yesterday.

Terengganu, Putrajaya and Perlis reported zero cases, he said.

He added that Malaysia recorded 1,600 new cases yesterday, raising the tally of cases to 74,294, of which 11,604 were active cases.

Of the new cases, three were imported while 1,597 were local transmissions, he added.

Dr Noor Hisham said 584 cases reported yesterday involved clusters at temporary detention centres and prisons.

He said the Tembok cluster recorded 49 new cases, followed by PTS Sibuga cluster (17), Pen-

jara Seberang Perai cluster (eight), Matambai cluster (seven), Penjara Jalan Harapan cluster (two) and GK Tawau cluster (one).

He said two new clusters were detected, the Malawati and Awan Lembah construction site clusters, which were linked to cases in Selangor and Kuala Lumpur, he said.

He said the index patient (Case 65,188) for the Malawati cluster, which was detected in Kuala Selangor, was reported positive for Covid-19 on Nov 30 following the screening of five people with symptoms.

"Up to Dec 7, 143 people have been screened, with 14 found positive for Covid-19 in the cluster."

He said the Awan Lembah construction site cluster involved cases in Lembah Pantai and Titi-

wangsa in Kuala Lumpur, as well as Klang, Selangor.

Two index patients, Case 69,722 and Case 71,992, were tested positive for Covid-19 since Dec 4 following symptomatic screening and individual screening.

Both cases were construction workers in Titiwangsa, Kuala Lumpur, he said.

"Up to Dec 7, 441 people have been screened, with 35 tested positive in this cluster."

He also announced an end to the Kertang and Sembulan clusters.

Up to yesterday, 390 clusters had been reported, including the two announced yesterday, while 203 clusters had ended.

"This means 187 active clusters are being monitored. Of that, 51 clusters reported new cases yesterday.

"The clusters with highest

number of cases are Bakri (500), Batu Tujuh (53) and Tembok (49)."

There were 129 patients at intensive care units, with 57 needing respiratory assistance, he said.

He said there were two fatalities, raising the death tally to 384.

The two deaths occurred in Sabah. The first involved a local woman (Case 35,800), 76, who died at Queen Elizabeth Hospital. She had high-blood pressure and anaemia.

This was followed by a local man (Case 71,551), 59, who died at Semporna Hospital. He had diabetes and high-blood pressure.

He said the total number of recoveries stood at 1,033, taking the total number of recoveries to 62,306 recoveries, or 83.9 per cent of cases.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

1,600 new infections and two deaths recorded

➤ Negri Sembilan registers highest daily figure of 541 cases, national cumulative tally now stands at 74,294

PETALING JAYA: Covid-19 cases in the country remained at four digits yesterday, with 1,600 new infections.

Negri Sembilan accounted for the highest number of cases, with 541 detected in the last 24 hours.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the figures brought the cumulative positive cases to 74,294.

He said the number of active cases now stands at 11,604, with 1,033 recoveries reported, bringing the total recoveries to 62,306.

Noor Hisham said 1,597 of the new cases were through local transmissions and the rest were imported.

"Negri Sembilan reported the highest daily figure at 541 cases, followed by Selangor with 426 and Sabah with 248.

"The spike in Negri Sembilan was due to a

surge in infections in the Bakti cluster, with 500 cases, which was isolated in a prison area," he said in a statement.

Two fatalities were recorded, bringing the death toll to 384.

Both deaths were reported in Sabah, involving a 76-year-old woman with a history of high blood pressure and anaemia, and a 59-year-old man suffering from diabetes and high blood pressure.

"A total of 129 cases are being treated in the intensive care units, with 57 requiring ventilator support," Noor Hisham said.

Meanwhile, the enhanced movement control order (EMCO) for the Seremban Prison and its quarters in Negri Sembilan has been extended by two weeks, until Dec 21.

Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the EMCO was

extended after the Health Ministry (MOH) assessed the risk of Covid-19 infections in the two localities.

"As of Dec 4, MOH has conducted 1,582 screenings and 964 positive cases have been detected at the prison involving inmates and staff.

"MOH confirmed that the results for the remaining 185 screening samples taken in the second tests are pending," he said.

Ismail Sabri also said the EMCO in Kampung Sabah Baru, Lahad Datu, ended yesterday as scheduled.

In another development, Ismail Sabri said 487 individuals were arrested last Sunday for violating the MCO, with 470 issued compound fines and 17 remanded.

The offences included failure to practise social distancing (205), entertainment centres engaging in activities (94), not wearing face masks (77), failure to provide log-in equipment for customers (59) and other offences (52).

In Ops Benteng last Sunday, 25 illegal immigrants and one boat skipper were nabbed, he added.



The Penang Military Reserve Force installing barbed wires at Desa Bistari Flats in Batu Uban, Georgetown yesterday after an enhanced movement control order was enforced in the area.
- MASRY CHE ANI/THESUN